

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG**  
**[ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil laporan audit bagi semua pengangkutan awam darat yang telah disarankan oleh Perdana Menteri.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program audit yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) terhadap kenderaan pengangkutan awam adalah khusus terhadap kenderaan bas dan lori di bawah inisiatif program SPAD ICOP (*Industry Code of Practice*) Keselamatan. Pengauditan yang dijalankan di bawah program ini adalah digelar sebagai pemeriksaan Pematuhan SPAD ICOP Keselamatan terhadap pengendali pengangkutan awam darat.

2. Pengauditan pengendali bas dan lori di bawah program adalah khusus terhadap kenderaan pengangkutan awam darat yang terlibat dalam kemalangan maut. Program ini telah dimulakan sejak Januari 2014.

3. Untuk makluman, sehingga bulan April 2016, sebanyak 290 audit/pemeriksaan pematuhan telah dilaksanakan ke atas pengendali bas dan kenderaan perdagangan.

Sekian, terima kasih.